



Persatuan Pengguna Pulau Pinang Consumers Association of Penang

檳城消費人協會 பினாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

Websites:
www.consumer.org.my

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109
email: consumerofpenang@gmail.com

Kenyataan Media

19 Jun 2019

CAP DAN PENDUDUK BANTAH PENCEMARAN DARI KILANG SISA PLASTIK DI SUNGAI PETANI, KEDAH

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) dan penduduk-penduduk yang tinggal berhampiran kawasan perindustrian di Sungai Petani, Daerah Kuala Muda, Kedah membantah tindakan pengusaha kilang sisa plastik termasuk yang beroperasi secara haram kerana menyebabkan berlakunya pencemaran udara yang serius sejak setahun lalu.

Berikutan kejadian itu CAP telah menghantar surat bersama 3300 tandatangan penduduk-penduduk yang terlibat kepada Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim YB Yeo Bee Yin menggesa masalah ini diberi perhatian serius dan diambil tindakan segera bagi mengatasi masalah pencemaran yang timbul.

Antara tempat dan taman perumahan yang terjejas akibat pencemaran tersebut ialah Bandar Seri Astana, Taman Ria Jaya, Taman Petani Jaya, Taman Sejahtera, Taman Berangan, Taman Seri Wang, Taman Intan, Taman Nilam, Cinta Sayang Resort Homes, Resort Villas, Taman Seraya dan Taman Keladi.

Dalam tinjauan yang dibuat CAP bersama Persatuan Tindakan Alam Sekitar (PTAS) Sungai Petani, difahamkan bahawa masalah ini telah dilaporkan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK) di samping protes secara aman oleh penduduk terbabit tetapi sehingga kini tidak ada tindakan berkesan diambil oleh pihak berkenaan untuk membendung pencemaran yang timbul.

Masalah ini bukan saja menjejaskan kesejahteraan kehidupan seharian penduduk malah ramai yang mengalami batuk, sesak nafas, sakit mata dan gatal kulit. Keadaan menjadi lebih serius kerana pengusaha kilang sisa plastik yang juga mengendalikan sisa import kerap menjalankan operasi termasuk pembakaran pada waktu malam termasuk di lokasi pembuangan sampah secara haram di daerah itu.

CAP amat kesal dengan perbuatan tersebut kerana ia bukan saja melanggar Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 malah mencemarkan alam sekitar dan mengancam kehidupan serta kesihatan awam. Masalah ini akan menjadi lebih teruk lagi pada masa akan datang jika pihak yang bertanggungjawab terus memandang ringan terhadap aduan pencemaran ini.

CAP mendapati isu lambakan sisa plastik import dan masalah pencemaran alam sekitar yang berlaku gagal diambil tindakan berkesan oleh pihak kerajaan maka sewajarnya permit import yang dikeluarkan kepada syarikat-syarikat kitar semula plastik oleh Jabatan Pengurusan Sisa dan Pepejal Negara (JPSPN) dibatalkan segera.

Mohideen Abdul Kader
Pemangku Presiden
Persatuan Pengguna Pulau Pinang